



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

()KPKT/BPK/19/7/4/Klt. 26

14 Julai 2009

SIARAN MEDIA (PRESS RELEASE)

100 Hari Y.B. Dato' Seri Kong Cho Ha di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kuala Lumpur –16 Julai 2009, genaplah 100 hari Y.B. Dato' Seri Kong Cho Ha menjadi Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dalam tempoh berkenaan, beliau telah melancarkan pelbagai usaha penambahbaikan sebagai langkah menyahut seruan kerajaan ke arah merealisasikan konsep 1Malaysia dimana 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Berikut adalah antara usaha-usaha yang telah diambil bagi memantapkan dan meningkatkan *service delivery* kepada rakyat.

- Menyediakan KPI bagi penyiapan PPR yang lebih sistematik dan terperinci
- Memperkenalkan pelan-pelan tindakan yang lebih sistematik dalam usaha pengisian rumah-rumah PPR Disewa dan penjualan PPR Dimiliki.
- Memperkenalkan mekanisma pemantauan pelaksanaan projek-projek PPR dengan mewujudkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek PPR Disewa dan PPR Dimiliki dan melibatkan pengurusan tertinggi dalam menyelaraskan pelaksanaan projek.
- Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai iaitu:
 - i) Kumpulan Kerja Hala Tuju Dan Dasar Pemajuan Perumahan Negara
 - ii) Kumpulan Kerja Pemantapan Pemulihan dan Pemantauan Projek Perumahan Terbengkalai

sambungan...

iii) Kumpulan Kerja Pemantapan Perundangan, Penguatkuasaan dan Mekanisma Pemantauan

- Mengadakan *smart partnership* dengan Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak swasta termasuk Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan Akaun Pemajuan Perumahan (HDA)
- Menjalankan pemantauan yang lebih rapi ke atas pelaksanaan projek-projek Kerajaan Persekutuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut jadual dan memberi impak positif kepada rakyat
- Mempertingkatkan usaha memberi bimbingan dan latihan kepada PBT-PBT satu dan dua bintang bagi membolehkan mereka dinaikkan taraf kepada tiga dan empat bintang di bawah Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) bagi PBT di Semenanjung Malaysia
- Melaksanakan perluasan Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) ke Sabah dan Sarawak
- Menambahbaik prosedur One Stop Centre (OSC) bagi memastikan sistem yang cekap, mudah, cepat dan seragam di semua PBT
- Menambahbaik prosedur pengeluaran lesen perniagaan dan lesen komposit hotel di semua PBT dengan menyediakan template ISO dan proses permohonan secara on-line
- Menggiatkan kempen kebersihan awam di kawasan PBT sebagai langkah pencegahan dan kawalan penularan wabak Influenza A (H1N1)
- Memantapkan fungsi dan peranan Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) bagi memastikan sistem penyampaian yang lebih berkesan di kawasan kampung baru
- Mengambil tindakan menangani persepsi yang salah terhadap fungsi dan kuasa Kerajaan Persekutuan bagi menangani isu dan masalah di dalam kawasan PBT
- Meningkatkan penyampaian pelesenan pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai melalui jaminan kualiti piagam pelanggan
- Menangani persepsi negatif mengenai Kementerian akibat isu-isu Ah Long melalui pelbagai kenyataan akbar dan rencana khas
- Menyarankan agar kajian terhadap penambahbaikan kualiti perkhidmatan Jabatan dengan pelaksanaan MS ISO : 9001

sambungan...

- 2008, Key Performance Indicator dan Star Rating dilakukan secara berterusan
- Menyediakan Dasar Landskap Negara (DLN) dan menyusun semula Jabatan Landskap Negara (JLN)
 - Membangunkan Taman Awam Segamat, Taman Awam Klang dan Taman Awam Bintulu yang telah siap sepenuhnya pada Jun 2009
 - Melancarkan Kempen Tanam Pokok dan sehingga Jun 2009, 45,518 batang Pokok Utama dan 13,255 batang Pokok Bunga Raya telah ditanam
 - Menggalakkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengadakan MoU dengan Institusi pengajian tinggi berkaitan bidang khususnya seperti Fire Science Forensic. Satu Memorandum telah ditandatangani antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkaitan Sains Forensik pada 18 Jun 2009.
 - Menggalakkan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia menghantar Penjawat Awamnya berkursus/ berseminar di luar negara bagi menambahkan pengetahuan dan kecekapan. Sehingga 4 Julai 2009, seramai 17 pegawai kanan telah menghadiri kursus/seminar di luar Negara
 - Menyediakan Garis Panduan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) di peringkat JPN dan sekarang berada dalam semakan Lembaga Akta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 - Pindaan ke atas definisi projek bermasalah (projek sakit dan projek lewat) dengan lebih jelas untuk mengelakkan lebih banyak pemaju menggagalkan penyiapan sesuatu projek atas dasar untuk mengaut keuntungan sahaja
 - Mengkaji semula dasar pemberian lesen baru pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai

Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam majlis sambutan 'Seratus Hari Najib Bersama Rakyat' pada Sabtu lalu, daripada sebelas hadiah yang dijanjikan kepada rakyat, dua diantaranya adalah dibawah bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Hadiah yang dimaksudkan ialah menjual 44,000 unit rumah rakyat kepada penyewa di Wilayah Persekutuan dan memberi potongan 50 peratus untuk memperbaharui lesen penjaja bagi penjaja kecil

sambungan...

di Wilayah Persekutuan. Oleh hal yang demikian, Y.B. Dato' Seri Kong Cho Ha akan melipatgandakan usaha bagi menyampaikan kedua-dua 'hadiah' tersebut kepada rakyat. Selain itu, beliau juga telah merancang usaha-usaha yang akan dilakukan dalam tempoh masa 100 hari yang akan datang. Antaranya:

- Merancang projek-projek baru PPR secara lebih sistematik melalui penglibatan semua Jabatan Kerajaan secara bersepadu dengan mengambilkira aspek ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar.
- Memperkenalkan model baru pelaksanaan PPR dari segi susunatur rekabentuk, dan kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan di setiap PPR
- Memperluaskan pelaksanaan PPR Dimiliki keseluruhan negara
- Mengurangkan bilangan projek perumahan terbengkalai
- Menyediakan draf pertama pindaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) [Akta663]
- Dasar Perumahan Negara (DRN) akan dibentangkan semula dalam Jawatankuasa Khas yang akan dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri. Selepas dipersetujui, DRN akan dibawa semula kepada Jemaah Menteri untuk keputusan selanjutnya
- Penambahbaikan kepada Prosedur Permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan serta permohonan-permohonan lain yang berkaitan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 bagi memendekkan tempoh kelulusan daripada 7 hari bekerja kepada 5 hari bekerja.
- Penyediaan Garis Panduan Iklan Pemajuan Perumahan kepada pemaju perumahan
- Memperluaskan penguatkuasaan Akta 118 khususnya membabitkan penyelenggaraan Akaun Pemajuan Perumahan dan integriti profesional seperti arkitek dan jurutera perunding
- Menambahbaik skim sedia ada bagi menjadikannya lebih relevan dan menarik pada masa kini.melalui kertas penambahbaikan Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah
- Menganjurkan Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan Awam bagi Menangani Influenza A(H1N1) Peringkat Kebangsaan

sambungan...

- oleh Timbalan Perdana Menteri pada 20 Julai 2009 di Sunway Pyramid Convention Center
- Menggubal dasar baru pemberian lesen pemberi pinjaman wang dan pajak gadai
 - Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri untuk DLN dan kelulusan JPA untuk penyusunan semula JLN
 - Membangunkan Taman Awam Port Dickson dan Taman Awam Dungun yang dijangka siap Ogos 2009) serta Taman Awam Kuantan, Taman Awam Seremban dan Taman Awam Alor Gajah yang dijangka siap Oktober 2009
 - Merasmikan Taman Awam Likas, Sabah pada 10 Ogos 2009, Projek Penghijauan Dataran Seremban pada 12 Oktober 2009 dan Taman Tasik Cempaka, Bangi pada 24 Oktober 2009
 - Menganjurkan Karnival industri Landskap Malaysia di Taman Tasik Cempaka, Bangi yang akan berlangsung dari 24 Oktober hingga 1 November 2009
 - Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia akan mendapatkan pengiktirafan dan pensijilan pelaksanaan MS ISO: 9001 2008, kualiti perkhidmatan daripada SIRIM Berhad pada bulan Oktober 2009
 - Menyarankan agar Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia menggunakan dokumentasi kualiti seperti MS ISO: 9001 2008, Key Performance Indicator dan Star Rating sebagai pengukuran dari segi tahap kualiti Perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan dan stakeholders
 - Menyarankan agar Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia mengurus perbelanjaan bagi pembinaan balai dan pembelian peralatan kebombaanan berdasarkan keutamaan dan keperluan terkini

Di keluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Puan Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat
019-3535500